

PERINTAH LARANGAN

APA ITU PERINTAH LARANGAN



Menurut Seksyen 334 KTN mendefinisikan perintah larangan:

Arahan yang dibuat oleh Mahkamah yang mempunyai bidangkuasa, mengikut peraturan mahkamah, untuk melarang penghutang penghakiman daripada melaksanakan apa-apa urusniaga berhubung dengan tanah atau kepentingan dalam tanahnya, sebagaimana yang disebut dalam perintah itu.

Perintah larangan melibatkan arahan daripada Mahkamah dan ia hanya melibatkan kes hutang penghakiman, iaitu tunggakan pembayaran hutang yang disahkan oleh Mahkamah.

KESAN

Perintah Larangan melarang perkara-perkara berikut :

- 🚫 Pendaftaran suratcara urusniaga.
- 🚫 Pemasukan catitan terhadap tuntutan kepada faedah sesuatu tenansi dikecuali daftaran.
- 🚫 Pemasukan mana-mana Kaveat Pemegang Lien.



* Rujukan Seksyen 336 KTN

TEMPOH MASA



- 📅 Luput dalam tempoh 6 bulan selepas ia diperbuat melainkan diperbaharui oleh Mahkamah.
- 📝 Salinan perlanjutan sebelum tamat tempoh diserah kepada Pendaftar Hakmilik.
- 🕒 Boleh ditarik pada bila-bila masa oleh Mahkamah.
- 🚫 Pendaftar Hakmilik hendaklah membatalkan kemasukan dalam DHD, dinyatakan sebab pembatalan dan tarikh.

* Rujukan Seksyen 338 KTN



INSTITUT TANAH DAN UKUR NEGARA (INSTUN)
KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI (KeTSA)